



**SOALAN LAZIM (FAQ)
KEMASUKAN PELAJAR FAKULTI SAINS
SEM 2 2020/2021**

| BIL. | PERKARA | STATUS |
|-------------|---|---|
| 1. | Sebelum ini, saya ada merujuk kepada Pejabat TDA berkenaan kohot 2017/2018, iaitu pelajar intern. Pejabat TDA maklumkan itu ialah pelajar intern yang menjalani intern di UPM. Jadi, saya ingin pastikan semula, maksud intern di UPM tu, hanya dalam UPM atau yang berdekatan sekali termasuk seperti Hospital Serdang, Sri Kembangan dan lain-lain? | <p>Hebahan INFO: 22 Feb 2021</p> <p>NOTIS DAN TATACARA PENTADBIRAN KEMASUKAN PELAJAR KE KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, KAMPUS SERDANG, SEMESTER KEDUA, SESI2020/2021 BERMULA 4 MAC 2021</p> <p>4.12 Pelajar yang perlu menjalani Latihan Industri di dalam atau di luar kampus dibenarkan untuk tinggal di kolej kediaman. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar yang dibenarkan tinggal di kolej kediaman TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI bekerja sambilan di luar kampus.</p> |
| 2. | Jika hanya terhad kepada pelajar intern yg intern di UPM sahaja, jadi pelajar yg sudah sedia ada berada di kolej UPM adakah tidak termasuk dalam kohot tersebut dan perlu keluar dari kolej? | *Akan Dimaklumkan Kemudian Telah hantar soalan kepada Bahagian Perumahan dan Penempatan |
| 3. | Pelajar yang diterima balik ke kampus melalui kohot pelajar Fakulti Sains yg sudah dikeluarkan berdasarkan permohonan atau apa ya? | Keputusan pemilihan pelajar bachelo kohot 2018/2019 adalah berdasarkan keperluan untuk melaksanakan praktikal, makmal dan peralatan khas atas keperluan melaksanakan disertasi bachelo (BGY4959/PHY4959/CHM4959) atau projek tahun akhir. |

| | | |
|----|---|--|
| | | Keputusan pemilihan pelajar bachelo kohot 2017/2018 adalah berdasarkan keperluan untuk melaksanakan latihan industri di dalam atau disekitar kampus yang memerlukan penginapan di kolej. |
| 4. | Berkaitan soalan 3, sebabnya ada satu jenis kohot pelajaranya 20 sahaja yg diterima, tapi jumlah sebenar pelajar dari kumpulan tersebut 40 orang, jadi inginkan kepastian ianya dipilih berdasarkan apa. Untuk Bac Math/Stats , mcamana 20 orang tersebut dipilih dan proses permohonannya macamana? | Jabatan Matematik kohot 2018/2019 – projek tahun akhir yang memerlukan peralatan di Jabatan Matematik. Senarai nama ini adalah berdasarkan satu soal selidik Jabatan Matematik yang telah dilaksanakan pada 20 Januari 2021. |
| 5. | Bila senarai nama pelajar yang diterima masuk ke kampus akan dikeluarkan ya? | Projek Tahun Akhir; Senarai nama untuk pelajar Jabatan Biologi, Jabatan Kimia dan Jabatan Fizik adalah berdasarkan pelajar yang telah mendaftar disertasi ilmiah (data diambil dari esmp) Projek Tahun Akhir; Senarai nama untuk Jabatan Matematik adalah berdasarkan satu soal selidik yang telah dilaksanakan pada 20 Januari 2021 Surat sokongan daripada Fakulti akan mula dikeluarkan pada 1 Mac 2021 Latihan Industri; Senarai nama akan dikumpulkan oleh Penyelaras Latihan Industri Jabatan Surat sokongan daripada Fakulti akan mula dikeluarkan pada 1 Mac 2021 |
| 6. | Adakah permohonan untuk kembali ke kampus masih dibuka, dan perlu dimohon melalui medium apa? | Hebahan INFO: 16 Feb 2021 PELAJAR YANG DIBENARKAN KEMBALI KE KAMPUS UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SERDANG UNTUK AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI SEMESTER 2 SESI 2020/2021 Perkara: 4. Pelajar yang tergolong dalam enam kategori pelajar yang berkeperluan kembali ke kampus, tetapi program dan kohot kemasukan mereka tidak tersenarai di Lampiran 1A dan 1B, dan memerlukan penginapan dalam kampus boleh mengemukakan |

| | | |
|----|---|---|
| | | <p>permohonan kepada Bahagian Perumahan dan Penempatan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) mulai 26 hingga 28 Februari 2021 untuk pertimbangan dan kelulusan.</p> <p>Semua permohonan dialamatkan kepada Encik Mohamed Shukri bin Mohamed Noor di alamat emel bpupm@upm.edu.my atau boleh dihubungi di talian +603-9769 1316.</p> |
| 7. | Adakah kami dibenarkan pulang ke rumah semasa cuti pertengahan semester? | <p>Hebahan INFO: 22 Feb 2021</p> <p>NOTIS DAN TATACARA PENTADBIRAN KEMASUKAN PELAJAR KE KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, KAMPUS SERDANG, SEMESTER KEDUA, SESI2020/2021BERMULA 4 MAC 2021</p> <p>5.0 PERKARA-PERKARA LAIN</p> <p>5.3 Pelajar yang telah mendaftar dan ingin keluar dari kawasan kolej melibatkan jangka masa yang lama (seperti balik kampung dan lain-lain), perlu memaklumkan kepada pihak kolej untuk tujuan perekodan;</p> |
| 8. | Adakah 6 - 12/3 tu adalah tempoh waktu pelajar pulang ke kampus atau tempoh <i>isolation</i> semasa di UPM? | <p>Hebahan INFO: 22 Feb 2021</p> <p>NOTIS DAN TATACARA PENTADBIRAN KEMASUKAN PELAJAR KE KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, KAMPUS SERDANG, SEMESTER KEDUA, SESI2020/2021BERMULA 4 MAC 2021</p> <p>4.0 TATACARA PENGURUSAN KEHADIRAN PELAJAR DAN PENGURUSAN DIRI DI KOLEJ KEDIAMAN</p> <p>4.1 Bagi mengelakkan kesesakan, proses pendaftaran pelajar akan diadakan secara berperingkat dan mengikut zon. Anggaran jumlah pelajar dan tarikh-tarikh pendaftaran adalah seperti berikut:</p> <p>i. Zon Utara (P. Pinang (244 pelajar), Kedah (424) dan Perlis (64) dan Zon Timur (Kelantan (463), Terengganu (354) dan Pahang (423)): 4 Mac 2021 hingga 6 Mac 2021.</p> |

| | | |
|-----|---|--|
| | | <p>ii. Zon Tengah (Selangor (1489), Perak (608), W.P. Kuala Lumpur (311) dan W.P. Putrajaya (45)): 7 Mac 2021 hingga 9 Mac 2021.</p> <p>iii. Zon Selatan (Negeri Sembilan (371), Melaka (256) dan Johor (876)): 10 Mac 2021 hingga 12 Mac 2021.</p> <p>iv. Pelajar dari Sabah (278) dan Sarawak (282) bergantung kepada tarikh tiket penerbangan.</p> <p>v. Pelajar Asasi Pertanian (ASPER): 28 Mac 2021 hingga 31 Mac 2021.</p> <p>4.9 Pelajar yang dibenarkan hadir akan ditempatkan di blok kediaman yang telah ditetapkan bagi memudahkan pemantauan oleh pihak pengurusan kolej. Pelajar- pelajar juga akan menjalani proses pemantauan (monitoring process) selama 10 hari di kolej kediaman masing-masing sebelum menjalani PdP di fakulti/sekolah.</p> |
| 9. | Untuk yang tersenarai, memang wajib balik ke atau dibenarkan utk tidak pulang | <p>Pelajar yang telah mendaftar Disertasi Bachelor di Jabatan Biologi, Jabatan Fizik dan Jabatan Kimia perlu kembali ke kampus.</p> <p>Satu bengkel peneguhan aspek psikomotor makmal yang merupakan komponen wajib dipenuhi sebelum bergraduat akan diadakan oleh Jabatan pada minggu pertama atau kedua Sem. 2 2020/2021 sebagai melengkapi keperluan amali yang berjalan secara maya pada Sem 2 2019/2020 dan Sem 1 2020/2021.</p> <p>(Berdasarkan ketetapan Mesyuarat Pengurusan Fakulti Sains ke 734 Bil. 8/2020)</p> <p>Sekiranya pelajar tidak dapat kembali ke kampus bagi tujuan yang dinyatakan pelajar dinasihatkan menangguhkan pengajian bagi Sem. 2 2020/2021</p> |
| 10. | Pelajar luar kampus , yang tidak ingin menetap dalam kampus kerana rumahnya dekat macam mana ye? kiranya jika perlukan lab datang bila perlu sahaja | <p>Hebahan KPT di Laman FB Rasmi KPT: 16 Feb 2021</p> <p>B. PELAJAR BERULANG-ALIK KE KAMPUS DARI TEMPAT KEDIAMAN</p> |

| | | |
|-----|--|---|
| | | <p>11. Adakah pelajar yang menetap di daerah yang sama dengan lokasi IPT berada, perlu menjalani pengasingan di Pusat Pengasingan?</p> <p>Tidak perlu. Pelajar yang menetap di daerah yang sama dengan lokasi IPT berada hanya perlu menjalani saringan kesihatan yang ketat setiap kali masuk ke IPT.</p> <p>Contoh: Pelajar menetap di Ipoh dan lokasi IPT adalah di Ipoh</p> |
| 11. | <p>Adakah pelajar perlu menghantar permohonan ke Pejabat TNC HEPA bagi perkara berikut?</p> <p>2.3 Di samping itu, pelajar juga WAJIB mendapatkan kebenaran daripada YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) terlebih dahulu untuk kebenaran menginap di kolej kolej kediaman (emel: tncheпа@upm.edu.my).</p> | <p>Tidak perlu.</p> <p>Pejabat Timbalan Dekan (Akademik dan HEPA) Fakulti Sains akan mendapatkan kebenaran daripada YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)</p> |